



TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
LAWATAN KERJA YAB KETUA MENTERI MELAKA DAN
MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN
(MOU)
TARIKH: 26 MAC 2021 (JUMAAT) , MASA: 9.15 PAGI
DI PUSAT PEMBANGUNAN KEMAHIRAN PERINDUSTRIAN DAN
KEUSAHAWANAN MELAKA (MISDEC)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Lafaz selawat kepada Rasul Junjungan, Nabi Muhammad SAW, yang menjadi ikutan, dan suri tauladan sepanjang zaman.

Allahuma Solli 'Ala Sayyidina Muhammad Wa'ala A-li Sayyidina Muhammad

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat
Bahagia, Menggamit Dunia.

Terima Kasih Saudara Pengacara Majlis;

**Yang Berbahagia Datuk Salhah Binti Salleh,
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan);**

**Yang Berusaha Encik Don Mardzi Bin Ahmad
Shamsuddin,
Pengerusi Pusat Pembangunan Kemahiran
Perindustrian Dan Keusahawanan Melaka (MISDEC);**

**Yang Berusaha Encik Haiqal Syukri Bin Jantan,
Pengarah Eksekutif Pusat Pembangunan Kemahiran
Perindustrian Dan Keusahawanan Melaka (MISDEC);**

**Yang Berusaha Encik Hairol Ariffein bin Sahari,
Ketua Pegawai Eksekutif Halal Development
Corporation;**

**Yang Berusaha Encik Mohamed Fairuz Mohamed Noor,
Ketua Pegawai Operasi Universiti Tun Abdul Razak
(UNIRAZAK);**

**Yang Berusaha Encik Ahmad Shihafudin Bin Mustapha,
Pengurus Kanan Operasi Gerbang Alaf Restaurant Sdn.
Bhd.;**

**Yang Berusaha Encik Ahmad Syukry Ibrahim,
Penolong Pengarah Hal Ehwal Islam dan Hubungan
Kerajaan;**

Mamee Double Decker (M) Sdn. Bhd.;

Seterusnya, Ketua-ketua Jabatan, Ahli-Ahli Jawatankuasa Pusat Pembangunan Kemahiran Perindustrian Dan Keusahawanan Melaka (MISDEC), Anggota MISDEC, dan Para Hadirin Sekalian.

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, dapat kita berkumpul bersama-sama dalam suasana norma baharu bagi menjayakan **Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) di Pusat Pembangunan Kemahiran Perindustrian Dan Keusahawanan Melaka (MISDEC).**

2. Pada hari ini, kita bakal menyaksikan satu lagi sejarah baharu di Melaka, di mana MISDEC akan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama beberapa agensi seperti kerajaan negeri yang diwakili oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri, Halal Development Corporation, Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK) dan juga Gerbang Alaf Sdn. Bhd.

3. Pada kesempatan ini, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada MISDEC dan semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung, kerana berjaya menguruskan lawatan kerja dan majlis pada pagi ini

Hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,

KERJASAMA HALAL DEVELOPMENT CORPORATION DAN MISDEC

4. Kerjasama strategik antara Halal Development Corporation (HDC) dan MISDEC bakal menambah bilangan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi untuk memenuhi permintaan industri halal yang mencecah hampir USD 3 trilion setahun. Inisiatif HDC dalam meningkatkan lagi bilangan peluang pekerjaan yang berkualiti sejajar dengan aspirasi kerajaan dalam pembangunan modal insan.

5. Kredibiliti HDC dalam bidang pembangunan latihan industri halal telah berjaya melahirkan lebih daripada **60,000** kakitangan industri halal yang mahir sejak tahun 2007. Tahun ini, saya dimaklumkan fokus HDC adalah kepada penempatan pekerjaan bagi golongan terlatih untuk permintaan lebih daripada **8,000 syarikat halal** dari dalam dan luar negara.

6. Selain dari menyediakan latihan industri halal, HDC juga menawarkan kepakarannya dalam memudahkan cara bagi pemain industri untuk mengorak langkah ke dalam pasaran halal melalui perkhidmatan konsultansi dan nasihat pakar industri, khidmat pepadanan perniagaan serta perkhidmatan **“Halal Integrated Platform”**.

7. Saya yakin, inisiatif ini juga menyokong **Flagship yang ke-5** iaitu **Melaka Negeri Usahawan**, yang terangkum di dalam Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035). Justeru, kerjasama antara HDC dan MISDEC diharap akan memperkukuhkan usaha untuk kelestarian ekosistem industri halal, sekali gus meningkatkan pertumbuhan ekonomi Negeri Melaka pada masa akan datang.

Hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,

PERKEMBANGAN TERKINI MISDEC

8. Saya difahamkan bahawa MISDEC akan menjalankan **dua (2) program baharu** untuk tahun ini, iaitu **Diploma Kemahiran Malaysia Dalam Mekatronik dan *Halal Apprentice Programme*** untuk masyarakat Melaka khususnya dan Malaysia amnya. Saya percaya, program baharu ini merupakan peluang keemasan untuk generasi muda melanjutkan pembelajaran terutamanya dalam bidang teknikal.

9. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada anak-anak muda Negeri Melaka khususnya, untuk menggarap peluang ini dengan menyertai dua program baharu yang dijalankan oleh pihak MISDEC.

PENUTUP

10. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, saya berbesar hati mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh warga MISDEC yang telah berjaya menganjurkan majlis pada pagi ini. Sesungguhnya, saya menyokong penuh segala program anjuran MISDEC yang mampu memberi impak terhadap pembangunan pelatih-pelatih di MISDEC. Terima kasih juga kepada para penaja yang memberikan

sumbangan yang sangat bermakna dan selamat maju jaya.

Sekian,

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

terima kasih.